

Kurikulum Pendidikan Teknik Vokasional (PTV) dan Pelajar Juvana

Ahmad Firdaus Bin Abdul Hadi. Muhamad Afzamiman Bin Aripin. Wan Zulkhairi Bin Zakaria. Rohana Binti Hamzah. Amirmudin Bin Udin.

ABSTRAK

Jenayah juvana merupakan satu isu yang tidak boleh dipandang ringan. Menyediakan alternatif yang dapat menyumbang kepada kebaikan masyarakat dan mereka yang terlibat merupakan agenda yang perlu disegerakan. Secara keseluruhannya penulisan ini membincangkan tentang remaja yang terlibat di dalam salah laku jenayah dan perkaitannya dengan penggubalan kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Isu disekitar faktor pendorong dan bentuk salah laku diterangkan bagi membolehkan tafsiran Juvana dilakukan secara adil dan benar. Dalam konteks memulihkan semula keyakinan mereka yang terlibat dalam jenayah juvana, PTV dilihat mampu menjadi komponen yang dapat menyuburkan semula harapan untuk hidup dalam masyarakat. Antara komponen yang dititik beratkan di dalam program kesedaran untuk golongan juvana ini adalah kemahiran yang berbentuk latihan vokasional. Hal ini adalah penting bagi membolehkan golongan juvana ini mempelajari dan menguasai kemahiran sebelum melangkah keluar bersama masyarakat. Orientasi kurikulum PTV yang berfokus pula mampu menjadi alat penghubung bagi remaja yang bermasalah untuk memperbaiki diri, memberikan sumbangan kepada persekitaran dan membangunkan ekonomi negara tanpa mengabaikan matlamat falsafah pendidikan negara yang mahu menghasilkan modal insan yang berkualiti dari aspek luaran mahupun dalaman.

ABSTRACT

Juvenile crime is an issue that cannot be taken lightly. It was an urgent agenda of preparing alternatives that could contribute towards the benefits of community and those that get involved in it. This writing discussed about youth that involve in the crime and the relationship with the development of Technical and Vocational Education and Training (TVET) curriculum. The issues around the factors that arouse the action and types of behaviors are explained to make sure that the definition of Juvenile can be interpreted with fair and true. In the context of restoring the confidence for those who get involved, TVET are seen as an able component that can rejuvenate the hope to live in the community. Among the components that had been emphasized for these juvenile, are skills in form of vocational training. This is very important for them to learned and equipped them self with skills before they get involved in the society. The focused orientation of TVET can be the miles stone for the juvenile to improve them self, give contribution and developed the economy of the country without ignoring the education philosophy of the nation in developing quality human capital internally and external.

Kata Kunci: *Juvana, kurikulum PTV, Latihan Vokasional*

Pengenalan

Jenayah juvana tidak seharusnya dipandang ringan oleh masyarakat dewasa ini. Penglibatan remaja bawah umur di dalam jenayah seperti pembunuhan, samun, rogol, menyebabkan kecederaan, keganasan jenayah, gengsterisme, penyalahgunaan dadah, masalah moral, dan sebagainya. Lantaran kealpaan masyarakat terhadap golongan remaja ini, sindiket jenayah telah mengambil kesempatan dengan membabitkan remaja sebagai penjenayah upahan terus berkembang dan merebak (Berita Harian, 4 Ogos 2004). Untuk memahami lebih lanjut mengenai juvana, definisi yang tepat adalah diperlukan. Castetter (1976) menyatakan bahawa definisi istilah akan membantu para pembaca untuk memahami konteks perkataan yang digunakan tanpa gangguan definisi pembaca yang tidak sepatutnya atau definisi pembaca yang terhad.

Akta Mahkamah Juvana 1947 menjelaskan bahawa juvana adalah seorang yang telah meningkat umur sepuluh tahun dan di bawah umur lapan belas tahun serta terlibat di dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang dan telah didapati bersalah oleh Mahkamah Juvana. Undang-undang juvana digubal untuk melindungi golongan remaja bawah umur di Malaysia. Penubuhan Mahkamah Juvana di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 meletakkan setiap remaja tertakluk di bawah undang-undang Juvana.

Seksyen 2(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 pula mentakrifkan juvana sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun yang mana individu tersebut akan didakwa di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan. Dalam seksyen 2(1) Akta Mahkamah Juvana 1947 juga memperuntukan adalah tidak menjadi kesalahan apa-apa perbuatan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak di bawah umur 10 tahun. Dalam kes yang melibatkan remaja, sekiranya disabitkan kesalahan oleh pihak mahkamah, remaja terbabit akan melalui tempoh tahanan iaitu selama tiga tahun dan juvana yang berdisiplin serta tingkah laku yang baik akan dipendekkan hukuman sehingga 18 bulan. Walaubagaimanapun, apabila genap 24 bulan di tahanan, juvana mendapat pembebasan secara berlesen iaitu mengikut seksyen 28 Akta Mahkamah Juvana (Ahmad Abu, 1997).

Setiap perkara yang berlaku sudah semestinya mempunyai sebab yang menjadi faktor kepada kejadiannya. Begitu juga di dalam kejadian jenayah juvana, sudah semestinya terdapat sebab-sebab tertentu yang telah mendorong kepada seseorang remaja itu untuk terlibat sebagai seorang penjenayah juvana.

Faktor-faktor yang Mendorong Kepada Juvana

Pelbagai faktor dapat disimpulkan sebagai faktor atau pendorong kepada penglibatan golongan remaja di dalam jenayah juvana. Antara faktor yang patut diberikan perhatian adalah faktor individu iaitu aspek harga diri, personaliti, kepercayaan agama, keruntuhan institusi keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor persekitaran. Abdul Malek (2006) turut menyenaraikan beberapa faktor yang turut menjadi penyebab remaja terlibat di dalam jenayah juvana iaitu faktor kemanusiaan seperti ibu bapa, guru, rakan sebaya, dan masyarakat umum, serta faktor bukan manusia seperti sistem pendidikan itu sendiri, kemajuan sains dan teknologi, dan sebagainya.

Penulis berpendapat bahawa di dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kepada penglibatan remaja di dalam jenayah juvana ini tidak seharusnya dengan menuding jari kepada sesuatu pihak yang tertentu sahaja. Semua pihak adalah terlibat dan tindakan yang sepatutnya di ambil adalah tindakan bersama tidak bersifat secara bermusim. Remaja adalah asas kepada masyarakat dan merupakan sumber tenaga manusia untuk pembangunan negara pada masa hadapan.

Jenis-jenis kesalahan juvana

Remaja cenderung untuk terlibat di dalam pelbagai jenis jenayah juvana samaada jenayah ringan ataupun jenayah berat. Menurut satu statistik yang telah dikeluarkan oleh The Star bertarikh 11 Disember 1994 menunjukkan bahawa 6,110 remaja yang berusia antara 12 hingga 25 tahun yang ditemui berkelirian dan melepak di pusat-pusat membeli-belah, panggung wayang, perhentian bas dan gerai-gerai jualan, didapati 70% merokok, 40% menonton video lucah, 28% berjudi, 25% meminum minuman keras, 14% mengambil dadah, dan 18% mengadakan hubungan seks bebas.

Statistik yang dikeluarkan pada tahun 1994 itu telah menunjukkan betapa seriusnya penglibatan remaja di dalam jenayah juvana. Jika angka yang diberikan terus meningkat saban tahun, maka penglibatan remaja di dalam juvana telah mencapai tahap yang membimbangkan dan penulis mengkhawatiri sekiranya tiada sebarang langkah yang tegas diambil, maka gejala ini tidak akan dapat dibendung lagi dan seterusnya ia akan mengakibatkan kesan yang amat dahsyat kepada pembangunan negara.

Justeru itu, langkah proaktif yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia adalah amat bertepatan sekali dengan menyediakan program pemulihan untuk golongan remaja yang

telah terlibat di dalam jenayah juvana. Program ini boleh diibaratkan sebagai peluang kedua kepada golongan remaja ini untuk kembali kepada jalan kebenaran. Adalah tidak adil sekiranya golongan remaja ini dikenakan hukuman tanpa diberikan peluang kedua lantaran mereka adalah golongan yang masih belum matang sepenuhnya untuk untuk berfikir secara rasional dan masih memerlukan didikan, bantuan dan sokongan untuk menunjukkan jalan yang manakah harus di ambil di dalam kehidupan.

Pemulihan Remaja Juvana.

Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah merancang pelbagai program bagi menangani masalah keruntuhan akhlak remaja dan masalah sosial seperti program pemulihan akhlak dan kempen Penghayatan Akhlak Mulia. Program- program pemulihan akhlak ini dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penjara dan institusi- institusi pemulihan akhlak di negara ini. Institusi- institusi tersebut dikenali sebagai Sekolah Henry Gurney, Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri, Rumah Tahansentara atau Asrama Akhlak dan Penjara Juvana.

Institusi-institusi pemulihan akhlak di Malaysia menawarkan pelbagai program dari aspek akademik, kokurikulum serta latihan kemahiran vokasional. Program-program seperti ini memberi peluang kepada pelatih untuk mendapatkan ilmu serta kemahiran yang berkaitan untuk digunakan selepas tamat tempoh penahanan. Para pelatih diwajibkan mengikuti satu latihan kemahiran vokasional yang ditawarkan sepanjang berada di insituti pemulihan tersebut. Pelatih akan diberikan sijil pengiktirafan dalam bidang kemahiran yang diambil setelah tamat tempoh menjalani latihan yang telah ditetapkan. Pemberian sijil ini amat penting untuk pelatih kerana ia dapat membantu para pelatih mendapatkan peluang pekerjaan sekaligus dapat berdikari setelah keluar dari pusat pemulihan ini.

Pihak kerajaan mewujudkan pelbagai kegiatan pemulihan kepada kumpulan sasar ini untuk membantu mereka memperbaiki kesilapan diri. Menurut Ketua Hakim Negara yang ketika itu disandang oleh Tun Mohamed Dzaidin Abdullah (2002), semua juvana dihantar ke Sekolah Tunas Bakti , Sekolah Henry Gurney dan asrama akhlak. Di sekolah ini, juvana yang dikenali sebagai pelatih akan menjalani latihan pemulihan yang telah ditetapkan oleh institusi pemulihan dan mereka diberi latihan vokasional bagi menyediakan diri mereka dengan kemahiran tertentu sebagai persiapan diri selepas keluar dari institut pemulihan.

Latihan Kemahiran Vokasional Di Pusat Pemulihan Juvana

Di Malaysia, pendidikan vokasional adalah satu program latihan yang menyediakan tenaga manusia diperingkat separuh mahir atau mahir. Ia merupakan komponen penting dalam proses pendidikan untuk menggunakan segala sumber yang membolehkan seseorang individu mencapai potensi maksima. Pendidikan vokasional adalah selaras dengan falsafah pendidikan negara dan pembangunan sumber tenaga manusia. Latihan kemahiran merupakan satu daripada cara memberi pendidikan kepada para remaja yang tidak berminat dalam bidang akademik, dan di dalam konteks penulisan ini adalah golongan remaja juvana. Keadaan ini adalah bertepatan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (2008), secara purata, penghuni - penghuni yang berada di sekolah Henry Gurney, Telok Mas kurang meminati bidang akademik berbanding latihan vokasional.

Maka jelaslah bahawa adalah sesuai jika kemahiran PTV diterapkan kepada golongan juvana sebagai salah satu bentuk terapi untuk pendidikan kepada mereka yang bermasalah kerana di samping mendidik, para remaja akan diberi ilmu pengetahuan dalam bentuk kemahiran agar dengan kemahiran ini mereka mampu berdikari menampung kehidupan mereka (Abd. Fatah Abd. Malik, 1992). Dengan asas yang diberikan diharapkan dapat membantu golongan juvana ini untuk bekerja sendiri serta mempertingkatkan kemahiran pada tahap yang lebih tinggi setelah mereka menamatkan tempoh tahanan mereka.

Latihan kemahiran vokasional merupakan program latihan yang wajib diikuti oleh pelatih sepanjang menjalani latihan di institut pemulihan. Pihak institut mengadakan kerjasama dengan pihak luar seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dimana setiap pelatih yang mengikuti latihan vokasional akan diberi sijil pengiktirafan. Bagi setiap latihan kemahiran vokasional di sekolah pemulihan seperti Henry Gurney, Pihak Construction Industrial Development Board (CIDB) akan mengeluarkan sijil pengiktirafan kepada pelatih- pelatih yang telah tamat latihan kemahiran yang diikuti (Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, 2006). Dengan sijil yang diiktiraf, pelatih- pelatih mempunyai peluang yang cerah untuk mendapatkan pekerjaan apabila tamat tempoh penahanan.

Menurut Lizawati (2006), pelatih di sekolah pemulihan boleh memilih bidang kemahiran yang diminati seperti landskap, pembinaan, jahitan dan masakan. Melalui pengiktirafan oleh MLVK dan CIDB, sijil dan kemahiran yang dimiliki berguna untuk membantu mencari pekerjaan selepas dibebaskan. Ini disokong dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (2008) iaitu latihan kemahiran vokasional

kepada tahanan adalah bertujuan memberi peluang kepada juvana menerima latihan dan membantu mereka berdikari selepas dibebaskan.

Kemahiran merupakan satu kepentingan dan keperluan di dalam menjalankan kehidupan seharian. Ia bukan sahaja tertumpu kepada pendidikan vokasional, bahkan ia sangat penting untuk dipraktikkan dalam kehidupan harian (Abd Rashid, 2005). Kemahiran adalah sepenuhnya membentuk kebiasaan melaksanakan aktiviti secara ekonomi. Ianya jangan dikelirukan dengan ketepatan kerana ketepatan merupakan hasil daripada kemahiran. Kenyataan ini pula disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Azizi Yahya (2004), bahawa 78 peratus daripada jumlah pelatih di sekolah ini begitu seronok apabila menyertai program vokasional yang dikelolakan di sekolah ini. Daripada kajian ini, ia menunjukkan bahawa latihan kemahiran vokasional merupakan program yang penting dan berkesan untuk pelatih untuk menimba pengetahuan dan kemahiran sebagai bekalan ilmu untuk diri pelatih.

Menurut Rohaneiza (1996), kebanyakan pelatih-pelatih di pusat pemulihan akhlak tidak menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dengan kemahiran- kemahiran vokasional yang telah mereka perolehi dari pusat pemulihan tersebut dan mereka juga mengakui bahawa kemahiran yang ada pada mereka mampu untuk menyara kehidupan mereka. Ini menunjukkan bahawa pelatih- pelatih yang telah pun tamat menjalani latihan pemulihan akhlak di institut pemulihan menyedari kepentingan latihan kemahiran vokasional yang diajar kepada mereka. Berhanuddin. *et. al.* (1997), mendapati hasil kajian yang dijalankan ke atas pelatih- pelatih Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka menunjukkan bahawa penyediaan pendidikan latihan kemahiran vokasional merupakan faktor penting dan pelengkap untuk memenuhi keperluan harian, mengajar mereka menentukan kerjaya masa depan, bermotivasi, berdikari dan kerjaya yang cemerlang hasil sifat ketekunan dan kerajinan di samping pendidikan kerohanian di kalangan pelatih. Justeru itu, telah jelas bahawa dengan menggunakan PTV di dalam proses pemulihan remaja juvana, ianya akan memberikan kesediaan kepada mereka untuk memulakan hidup baru selepas menyedari kesalahan yang telah mereka lakukan.

Kurikulum dan PTV

Apabila kita membahaskan mengenai kurikulum, pelbagai penafsiran telah dibuat. Menurut J. Goodland (1966) dalam Kamarudin (1989), kurikulum telah didefinisikan sebagai reka bentuk atau rancangan bagi institusi pendidikan. Selain itu, kurikulum juga dikatakan

sebagai alat perubahan psikologi dalam diri pelajar sebagai hasil pembelajaran mereka di institusi-institusi pendidikan. Menurut J. Goodland (1966) lagi, kurikulum menyediakan peluang pembelajaran sebenar pada tempat dan masa yang telah ditetapkan.

Dalam bengkel *International Workshop on Curriculum Development in Technical and Vocational Education* pada tahun 1993, Kurikulum telah ditafsirkan sebagai 'educational path' atau laluan pendidikan yang mana kandungan dan bahan pengajarannya adalah terancang. Perancangan pendidikan atau yang dinamakan kurikulum ini, mengandungi informasi-informasi seperti sasaran pendidikan, matlamat-matlamat yang ingin dicapai, kandungan yang diinginkan, kaedah dan bahan yang diguna pakai dan kaedah menguji hasil daripada kurikulum yang dibentuk. Dalam erti kata yang lebih mudah, kurikulum merupakan kaedah, method atau manhaj yang jelas dalam mencapai visi, misi dan objektif dalam pendidikan.

Kurikulum dalam PTV pada hari ini banyak memfokuskan kepada kehendak industri. Dengan pembangunan pesat dalam bidang teknologi dan peningkatan kehendak terhadap tenaga kerja kemahiran tinggi, bidang teknik dan vokasional diharap dapat memenuhi tuntutan-tuntutan tersebut. Hal ini disokong oleh C.R Finch (1992) dalam penulisan beliau yang menyatakan bahawa orientasi pendidikan teknik dan vokasional pada hari ini berkisar sekitar pencapaian dalam dunia pekerjaan dan hala tuju yang lebih kearah proses dan produk. Perkara ini bukanlah sesuatu yang aneh kerana kurikulum itu sendiri terbina atas justifikasi-justifikasi yang terarah kepada kehendak pasaran. Jika dilihat justifikasi dalam pembinaan kurikulum, C.R Finch (1992) menyatakan terdapat tiga perkara yang diambil kira. Pertama, pembinaan sesuatu kurikulum itu adalah dengan mengenal pasti kehendak pasaran kerja. Kedua, pembinaan kurikulum itu mestilah tertumpu kepada masyarakat dan yang terakhir mestilah bergantung kepada peluang pekerjaan.

Lantaran fokus kepada pembinaan kurikulum dalam PTV banyak menuju kepada industri, penekanan kepada kemahiran-kemahiran insaniah yang selari cuba diwujudkan. Empat kemahiran penting telah diketengahkan dalam bengkel *International Workshop on Curriculum Development in Technical and Vocational Education* pada tahun 1993 yang dianjurkan oleh UNIVOC. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah;

1. Kemahiran komunikasi dan kerjasama
2. Kemahiran aplikasi teknik pembelajaran dan kemahiran kognitif yang berkaitan dengan pekerjaan
3. Kemahiran membuat keputusan yang bebas dan bertanggungjawab

4. Kemahiran menangani stress dan tekanan

Jelas sekali, kemahiran-kemahiran yang dinyatakan merupakan aset-aset penting dalam membantu pelajar berada dalam lingkungan kerja dan menjadi kriteria penting majikan dalam memilih pekerja. Secara ringkasnya, kemahiran-kemahiran yang dinyatakan tadi, boleh disimpulkan sebagai fokus dalam pembangunan ilmu, kemahiran, sikap dan nilai dalam diri pelajar dalam konteks pekerjaan, dan disepadukan dalam membentuk kurikulum sebagaimana yang telah dinyatakan oleh C.R Finch (1996).

Selain daripada itu, dalam pembangunan kurikulum PTV, beberapa perkara lain perlu diambil kira. Dalam usaha menghasilkan individu-individu berkemahiran dan berpotensi dalam PTV, pelaburan dalam bentuk logistik dan perbelanjaan sampingan adalah sangat penting. Menurut C.R Finch (1996) lagi, kemudahan yang sesuai perlu disediakan dalam pembangunan pendidikan PTV termasuklah alatan, bekalan bahan dan sumber pengajaran. Dengan wujudnya kelengkapan-kelengkapan tadi bermakna kos operasi juga perlu diambil kira seperti kos air, tenaga elektrik, baik pulih dan gentian alatan, serta banyak lagi.

Pendidikan Untuk Hidup dan Kerjaya

Melihat kepada kepentingan masa depan terhadap keperluan hidup dan keperluan mencari rezeki telah memandu motivasi pelajar untuk terus belajar. Peluang ini sebenarnya bukan sahaja mampu menyediakan pelajar untuk menjadi seorang pekerja, tetapi juga sebagai ruang pendorong untuk belajar secara menyeluruh dan holistik. Menurut Phillip Hughes (2005) lagi, *basic education* atau pendidikan asas yang digariskan dalam EFA merujuk kepada pendidikan untuk hidup dan pendidikan untuk kerjaya dimana kedua-dua unsur pendidikan ini merupakan perkara yang terkandung di dalam PTV. Hal ini dinyatakan oleh Curtis R. Finch (1999) dan terkandung dalam perkara-perkara berikut.

Orientasi dan Justifikasi Kurikulum

Secara umumnya, kurikulum pendidikan teknik dan vokasional dimana-mana negara mempunyai tujuan akhir yang mahu dicapai. Sebagai mana dalam aliran akademik biasa, hasil daripada pendidikan yang diberikan adalah merupakan mereka-mereka yang berjaya menghabiskan pengajian. Tidak cukup dengan itu, kurikulum dalam aliran PTV, telah dihalakan kepada proses dan produk iaitu didikan dan latihan dalam sekolah serta

keberkesanan pelajar terdahulu dalam dunia pekerjaan. Program-program yang terlaksana juga merupakan program yang sememangnya diperlukan dalam industri dan keperluan tempatan. Orientasi begini sebenarnya memberi nafas baru kepada pelajar-pelajar juvana untuk meneruskan kelangsungan hidup dan dapat bergaul dalam masyarakat.

Fokus kurikulum

Kurikulum PTV yang tidak mempunyai sempadan fokus yang sempit telah memungkinkan pembangunan ilmu, kemahiran, sikap dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar beramasalah. Integrasi sesetengah program dengan pembelajaran akademik seperti matematik, kemahiran komunikasi sains dan sebagainya memberi peluang kepada pelajar juvana untuk melanjutkan pelajaran keperingkat yang lebih tinggi dan seterusnya memperbaiki diri untuk menjadi masyarakat yang mampu berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Hubungan sekolah, alam pekerjaan dan komuniti

Salah satu ciri kurikulum teknikal dan vokasional pada masa kini ialah bermatlamatkan hubungan dengan alam pekerjaan dan komuniti setempat. Dengan terjalinnnya hubungan erat ini, memungkinkan para pelajar juvana mendapatkan tempat dalam alam pekerjaan memandangkan mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan. Hubungan dengan masyarakat setempat juga dapat diperkukuhkan melalui kemahiran yang diperolehi melalui keusahawanan, perundingan dan sebagainya.

Kurikulum PTV dan Kesedaran Remaja Juvana

Pendidikan untuk semua atau *education for all* (EFA) merupakan kesinambungan daripada objektif UNESCO sejak tahun 1946 yang mahu berusaha menyediakan pendidikan rendah yang sejagat atau dikenali sebagai *universal primary education* (UPE). Menurut Phillip Hughes (2005), deklarasi untuk EFA pada tahun 1990, telah dilaksanakan di Jomtien melibatkan 155 buah negara. Walaubagaimanapun, sebuah lagi pertemuan melibatkan 160 buah negara telah dilaksanakan di Dakar menjelang tahun 2000 berikutan sasaran matlamat deklarasi tersebut tidak terlaksana.

Justeru itu, pertemuan di Dakar telah sebulat suara mengemukakan beberapa sasaran baru bagi menjadikan matlamat pendidikan untuk semua sebagai satu kenyataan

menjelang tahun 2015. Menurut Phillip Hughes (2005) lagi, sasaran-sasaran pertemuan tersebut adalah seperti berikut

- I. Pendidikan awal kanak-kanak
- II. Pendidikan rendah universal, termasuklah mengenalpasti keperluan yang kurang bernasib baik
- III. Capaian kepada pembelajaran dan kemahiran hidup bagi belia dan dewasa.
- IV. Meningkatkan kadar literasi dewasa
- V. Menyisihkan isu ketidaksamaan jantina
- VI. Meningkatkan kualiti pendidikan, terutama sekali dalam literasi, mengira dan kepentingan hidup (*essential life*)

Maka, di dalam konteks penulisan ini iaitu remaja juvana, ianya boleh dimasukkan ke dalam sasaran yang ketiga iaitu capaian kepada pembelajaran dan kemahiran hidup bagi belia dan dewasa. Hubungan antara PTV dan EFA dilihat mampu mengurangkan kadar kemiskinan dengan membekalkan individu-individu dengan kemahiran. PTV juga dilihat mampu menjadi medium motivasi kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik untuk meneruskan pengajian, Disamping itu, PTV juga menekankan kepada keupayaan literasi sebagaimana yang ditekankan dalam EFA memandangkan ia merupakan perkara yang penting bagi menghadapi dunia pekerjaan (Phillip Hughes, 2005). Diskriminasi yang wujud dalam bentuk jantina, keupayaan fizikal dan sebagainya dapat dikurangkan memandangkan PTV mempunyai pelbagai cabang yang boleh dipelopori dari peringkat bawah sehinggalah peringkat pengajian tinggi (UNESCO, 2002).

Kesemua perkara-perkara diatas pada dasarnya menjadikan pendidikan teknik dan vokasional merupakan salah satu wadah lestari dalam menyediakan tenaga kerja yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dalam konteks sosial, budaya dan ekonomi (UNESCO, 2002).

Kurikulum yang dibangunkan dalam pendidikan teknik dan vokasional (PTV) sebenarnya berkait dengan pendidikan asas sebagaimana dalam EFA yang tidak membezakan mana-mana individu termasuklah mereka yang bermasalah dari segi akademik mahupun yang terlibat dengan juvana. Sebagai mana yang dimaklumi, kebanyakan pelajar bermasalah selalunya tidak bermotivasi untuk cemerlang dalam akademik. Pembangunan kurikulum yang bersepadu meliputi aspek ilmu dan kemahiran sebenarnya membuka ruang kepada segenap lapisan masyarakat untuk cemerlang di masa hadapan. Hal ini telah dikupas oleh Phillip Hughes (2005) sebagaimana berikut;

TVET in general, and UNEVOC Bonn in particular, can help EFA not only by developing productive skills but also by motivating student learning. Students who do not succeed in school, both in developed and developing countries, are almost without exception those who lack the motivation to learn – those who see no value for themselves in the learning.

(Phillip Hughes, 2005, p. 262)

Kesimpulan

Sistem pendidikan dan kurikulum PTV terutamanya di Malaysia bukanlah suatu yang asing lagi. Bahkan dengan merangka kurikulum yang bersifat tempatan dan berlandaskan falsafah pendidikan negara seharusnya menjadikan PTV suatu institusi yang dapat menjadi penyelamat kepada sahsiah dan peribadi disamping menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Oleh itu, diantara perkara yang perlu diambil kira sebelum melakukan perubahan dan penggubalan sistem PTV dengan menggunakan sistem PTV daripada negara lain untuk diaplikasikan ke dalam sistem pendidikan adalah seperti aspek sejarah, falsafah dan potensi negara itu sendiri. Ini telah dinyatakan oleh Warren (1967: 179) bahawa;

...above all, the history, language, philosophy and potentialities of the developing country itself must be studied before advice is given, for as frequently remarked in this study, system of technical education are essentially indigenous and cannot necessarily be transplanted or exported with any sure guarantee of success...

(Warren, 1967, p.179)

Adalah mustahil sekiranya kurikulum ini dibangunkan atas kepentingan ekonomi semata-mata. Justeru itu kurikulum PTV yang mampu merawat masalah gejala sosial dan memberi harapan kepada remaja seharusnya menuruti prinsip-prinsip tujuan falsafah pendidikan negara iaitu mahu menghasilkan insan yang baik melalui kepercayaan kepada tuhan, berilmu pengetahuan dan terampil, bertanggungjawab, berakhlak mulia, berbakti kepada masyarakat dan sahsiah yang seimbang dan bersepadu.

Rujukan

- Abdul Malek Bin Jaffar @ Abdullah (2006). *Faktor-Faktor Penglibatan Pelajar Melayu Sekolah Menengah Dalam Gejala Sosial. Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Majidi Baru, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Abdul Fatah b. Abdul Malik (1992). *Pendidikan Vokasional Dan Masyarakat Kini*. Kuala Lumpur: Berita Harian, Disember 10.
- Abd. Rashid Masduki (2005). *Pengurusan Bengkel Reka Cipta; Persepsi Mengenai Tahap Pengetahuan Dan Masalah-Masalah Yang Dihadapi Di Kalangan Guru Mata Pelajaran Reka Cipta Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Tidak Diterbitkan
- Ahmad Abu Hassan. (1997). *Wajarkah Undang- Undang Juvana Dikaji Semula?*. Dewan Masyarakat. Disember. 50-52
- Azizi Yahya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli. (2004). *Psikologi Sosial*. Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Berhanuddin Abdullah, Ideris Endut dan Siti Ruqayah Tibek. (1997). *Pendekatan Dakwah Di Kalangan Remaja Bermasalah : Kajian Kes Di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Dan Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Berita Harian (2004). *Jenayah Juvana Meningkat 10,926 Ditangkap*. Ogos 4.
- Castetter, William Benjamin (1976). *The personnel function in educational administration*. New York. Macmillan
- Jabatan Penjara Malaysia (2008). *Statistik Juvana di Malaysia*.
- Kamus Dewan (2008). Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka. 18, 118, 378, 392, 872.

Lizawati Ahmad. (2006). *Satu Tinjauan Terhadap Program Pemulihan Akhlak Di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak*. Institut Teknologi Mara Cawangan Perak : Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam

Malaysia (1991). Women And Girls Protection Act, 1973 (Act 106) & Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis (Akta 106). : P.U. (a) 193/1985 & Akta A664.

Malaysia (1997). Juvenile Courts Act 1947 (Act 90) & Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 900: Ord. 39/1951).

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia. (Julai 2006). *CIDB Memberi Pengiktirafan*. Kuala Lumpur.

Phillip Hughes (2005). Why access to TVET for all is essential if education for all is to be achieved. *Prospects*. Volume XXXV no 3.

Rohaineza Ahmad. (1996). *Pusat Pemulihan Cheras (1966- 1994)*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

Tun Mohammad Dzaidin Ahmad. (Rabu, 2 Oktober 2002). *Pembentangan Kertas Kerja Pindaan Undang- Undang Juvana*. Petaling Jaya. Sunday Star.

UNESCO and ILO(2002). *Technical and Vocational and Training for the twenty-first century*.

Warren, Hugh (1967). *Vocational and Technical Education*. Paris. United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)

<http://www.scribd.com/doc/2882268/Dasar-Pendidikan-Di-Malaysia>